

NO. SOALAN: 461

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI

RUJUKAN : 9779

SOALAN:

**Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali [Gombak] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan statistik pemerdagangan manusia
mengikut jantina dan umur dan negara asal pendatang asing.**

JAWAPAN:

Seramai 1130 mangsa pemerdagangan orang telah diberikan perintah perlindungan sepanjang tahun 2016. Daripada jumlah tersebut, mangsa warganegara Vietnam merekodkan jumlah tertinggi dengan 345 mangsa yang terdiri daripada 321 mangsa wanita dewasa, 3 mangsa lelaki dewasa dan 21 mangsa kanak-kanak perempuan diikuti oleh Indonesia dengan 279 mangsa yang terdiri daripada 212 mangsa wanita dewasa, 59 mangsa lelaki dewasa dan 8 mangsa kanak-kanak perempuan. Selain itu, statistik juga menunjukkan terdapat beberapa warganegara Filipina, Bangladesh, India dan China yang menjadi mangsa pemerdagangan orang.

Selain itu, warganegara Malaysia turut dilaporkan menjadi mangsa iaitu seramai 26 orang dengan pecahan 10 mangsa wanita dewasa, 9 mangsa kanak-kanak lelaki dan 7 mangsa kanak-kanak perempuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI MOHAMED
AZMIN BIN ALI [GOMBAK]**

SOALAN :

Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah dan statistik kumpulan yang terkesan akibat daripada pemotongan biasiswa mengikut jantina, negeri dan sektor pendidikan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) masih meneruskan pembiayaan program penajaan dengan peruntukan sebanyak RM1.63 bilion untuk menanggung pembiayaan seramai 40,086 pelajar sedia ada iaitu penajaan 32,189 pelajar dalam negara dan 7,897 pelajar di luar negara.

Sekian, terima kasih.